

MAHATHIR R'R'R'

DARI MUSA SCULLY

1983

DHAKA, 18 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TIBA DI SINI HARI INI DALAM PERINGKAT PERTAMA LAWATAN SEMBILAN HARI YANG JUGA MELIPUTI DUA BUAH NEGARA LAIN DI KAWASAN LAUTAN HINDI - SRI LANKA DAN KEPULAUAN MALDIVE.

KETIBAANNYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA ZIA UNTUK MEMULAKAN LAWATAN TIGA HARI DISAMBUT OLEH KETUA PENTADBIR UNDANG-UNDANG TENTERA LT. JEN. H.M. ERSHAD, MENTERI LUAR A.R. SHAMSUD DOHA, PARA MENTERI DAN DIPLOMAT.

DATIN SERI DR. SITI HASMAH DIHADIAHKAN DUA JAMBAK BUNGA OLEH SEORANG KANAK-KANAK LELAKI DAN SEORANG KANAK-KANAK PEREMPUAN YANG BERPAKAIAN TRADISIONAL BERWARNA PUTIH DAN OREN.

TURUT HADIR IALAH PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA ENCIK MOHAMED HARON, KAKITANGAN SURUHANJAYA TINGGI DAN SEKUMPULAN KECIL PELAJAR MALAYSIA. LEBIH 100 ORANG PELAJAR MALAYSIA MELANJUTKAN PELAJARAN DI BANGLADESH, KEBANYAKANNYA DALAM BIDANG PERUBATAN DI UNIVERSITI DHAKA.

LT. JEN. ERSHAD, YANG JUGA PRESIDEN MAJLIS PARA MENTERI, MEMPELAWA DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMERIKSA KAWALAN KEHORMATAN.

--LAGI 1706/AN

MAHATHIR 2 DHAKA R'R'R'

BENDERA KEDUA-DUA NEGARA BERKIBAR DAN SEPANDUK-SEPANDUK DALAM BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA BENGALI TERPAMPANG DI LAPANGAN TERBANG SEMENTARA PEMUDA PEMUDI MEMPERSEMBAHKAN TARIAN TRADISIONAL.

DALAM PERJALANAN KE RUMAH TETAMU GANASHABAN SEJAUH 15 KM DENGAN KERETA, KANAK-KANAK BELASAN TAHUN BERBARIS DI SEPANJANG JALAN MELAMBAI-LAMBAI BENDERA DAN BUNGA. BEBERAPA PINTU GERBANG DENGAN PERKATAAN +SELAMAT DATANG+ JUGA DIDIRIKAN DI SEPANJANG JALAN.

BENDERA MALAYSIA DAN BANGLADESH BERKIBARAN DI BANGUNAN-BANGUNAN UTAMA DAN JALAN-JALAN IBUNEGARA INI YANG DIASASKAN DALAM TAHUN 1608 DAN KINI MEMPUNYAI LEBIH 1.5 JUTA ORANG PENDUDUK, KEBANYAKANNYA BENGALI BERAGAMA ISLAM.

BANGLADESH TERLETAK DI TENGAH ASIA SELATAN MEMPUNYAI KELUASAN KAWASAN 142,500 KILOMETER PERSEGI DENGAN SEMPADAN DARAT SEPANJANG 2,535 KM DENGAN INDIA DI BARAT, UTARA DAN TIMUR, BURMA KE TENGGARA DAN PANTAI SEPANJANG 580 KM DI TELUK BENGAL.

SELEPAS MAKAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA MENTERI LUAR TAN SRI SHAZALI SHAFIE DAN PERUSUHJAYA TINGGI MALAYSIA YANG MENGANGGOTAI ROMBONGAN 14 ORANG ITU, PERDANA MENTERI MELAWAT TUGU PAHLAWAN KEBANGSAAN DI SAVAAR DI LUAR DHAKA.

--LAGI 1741/AN

MAHATHIR 3 DHAKA 9'9'2'

KETIBAANNYA DENGAN HELIKOPTER DISAMBUT OLEH MENTERI KERJARAYA MEJ. JEN. ABDUL MANAN SIDDIQY.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA DI TUGU TERSEBUT.

LEWAT PETANG INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUNJUNGI LT. JEN. ERSHAD.

SEMASA ROMBONGAN MALAYSIA DI SINI, PERJANJIAN PERKAPALAN DAN MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI AKAN DITANDATANGANI OLEH TAN SRI GHAZALI DAN RAKAN SEJAWATNYA ENCIK DOHA.

RUNDINGAN RASMI ANTARA DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN LT. JEN. ERSHAD YANG BERMULA ESOK DIJANGKA TERTUNPU KEPADA RANCANGAN KERJASAMA TEKNIK MALAYSIA DI MANA TAWARAN BARU AKAN DIBUAT UNTUK MENAMBAHKAN BANTUAN TEKNIK.

KABINET BARU-BARU INI MELULUSKAN PENGEKSPORTAN 600,000 ANAK POKOK KELAPA SAWIT DALAM TEMPOH TIGA TAHUN DENGAN 200,000 ANAK POKOK SETAHUN.

--LAGI 1757/AN

ZCZC B663

MAHATHIR 4 DHAKA 9'9'2'

KEDUA-DUA PEMIMPIN JUGA AKAN MENYENTUH ISU KAMPUCHEA DI MANA PENDORIAN MALAYSIA DAN ASEAN MENGENAINYA DISOKONG OLEH BANGLADESH, FORUM ASIA SELATAN DAN KONSEP KAWASAN AMAN DI LLAUTAN HINDI YANG MENYERUPAI KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) DI ASIA TENGGARA.

RUNDINGAN UNTUK MEMPERBAIKI IMBANG PERDAGANGAN, YANG KINI MEMIHAK MALAYSIA, JUGA AKAN DIADAKAN. TERMASUK DALAM ROMBONGAN MALAYSIA IALAH SEMBILAN ORANG WAKIL SEKTOR SWASTA YANG DIKETUAI OLEH PRESIDEN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU DAN PENERUS EKSEKUTIF BANK BUMIPUTRA DR. NAWAWI MAT AWIN. TURUT HADIR IALAH PARA PEGAWAI PERBADANAN PELABURAN SEBERANG LAUT MALAYSIA.

MALAM INI, PERDANA MENTERI AKAN DIRAIKAN DALAM SATU MAJLIS JAMUAN DI ISTANA PRESIDEN, + OLEH LT. JEN. ERSHAD.

--BERNAMA 1801/AN